

Kuiz Pelaburan PNB 2021



Elak simpan, segera labur

Tidak ramai yang sedar bahawa simpanan dan pelaburan sebenarnya adalah dua perkara berbeza dan perbezaannya sebenarnya amat besar kerana ia menentukan sama ada wang 'bekerja' dan terus berkembang atau 'tidur' sahaja tanpa pulangan.

Simpanan merujuk kepada duit yang disimpan di dalam laci, di bawah bantal, dalam peti besi, tabung atau dalam akaun bank. Tujuan menyimpan lebih kepada kegunaan segera atau untuk tujuan keselamatan.

Wang yang disimpan tidak menjana pulangan dan ia dianggap 'tidur' kerana dari hari ke hari, bulan ke bulan dan tahun ke tahun, jumlah wang berkenaan tidak bertambah kecuali kita menambahnya.

Sebagai contoh, wang yang disimpan dalam akaun bank, jumlahnya hanya bertambah

setiap kali gaji masuk, tetapi semakin berkurang apabila dikeluarkan.

Sekiranya tiada gaji, maka wang dalam akaun simpanan tidak akan bertambah dengan sendirinya.

Begitu juga wang yang disimpan di dalam tabung, jika ia tidak ditambah setiap hari, jumlahnya kekal sama.

Tetapi bagaimana pula jika wang dalam tabung yang sudah penuh, dilaburkan pula contohnya ke dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Berbeza berbanding simpanan, pelaburan memberi peluang kepada pelabur untuk meraih keuntungan atau pulangan daripada wang yang dilaburkan.

Untuk ASB, setiap tahun menjelang Disember, pelabur akan ternanti-nanti pengumuman mengenai dividen yang bakal diterima.

Katakan pelabur sudah melabur RM1,000 selama satu tahun dalam ASB dan dividen yang diumumkan ialah 4 peratus, jadi pelabur akan menerima keuntungan sebanyak RM40.

Adakah kita akan menerima dividen ini jika wang dibiarkan dalam tabung atau akaun simpanan?

Jawapannya sudah pasti tidak dan ini adalah satu kerugian kerana wang tidak berpeluang menjana pendapatan sedangkan ia berpeluang untuk melakukannya jika dilaburkan.

Jadi, apabila sudah bekerja kelak, elakkan daripada membiarkan wang dalam akaun simpanan, sebaliknya segera laburkan di awal bulan untuk memastikannya terus 'bekerja' menerima pulangan yang diterima.

Namun sebelum melabur, kenalilah faktor risiko dan


Elakkan menyimpan terlalu banyak wang di rumah kerana ia mungkin rosak atau hilang selain tidak memberi pulangan, sebaliknya laburkan ia untuk menerima dividen dan membina kewangan kukuh.

pulangan dan elakkan daripada sewenang-wenangnya melabur dalam instrumen berisiko tinggi seperti pasaran saham, bitcoin atau Forex tanpa ilmu yang cukup.

Ini kerana pelaburan


berisiko tinggi boleh menyebabkan kerugian jika tidak diuruskan dengan bijak.

Jangan kerana mengejar keuntungan, wang bukan sahaja tidak bertambah, tetapi terus hilang dari genggaman.



KUIZ PELABURAN PNB 2021

#capaikemerdekaankewangan



Online KATEGORI REMAJA (13 - 17 Tahun)

SOALAN - SOALAN

- MELINTANG**
- secara mudahnya ialah menyimpan wang untuk tujuan keselamatan dan ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
 - Dividen ialah daripada pelaburan yang akan menambah kepada modal asal yang dilaburkan. Katakan Ali melabur RM100 dan selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 5 peratus, menjadikan wang Ali bertambah kepada RM105.
- MENEGAK**
- akan menyebabkan nilai wang yang disimpan dan tidak dilaburkan semakin mengecil selepas satu tempoh tertentu
 - Elaun atau duit belanja boleh dimasukkan ke dalam sebelum dilaburkan untuk mendapat pulangan/dividen.
 - Kuasa faedah akan mengembangkan wang yang dilaburkan jika wang berkenaan dan dividen yang diterima tidak dikeluarkan untuk satu tempoh yang panjang.
 - ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabung pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.

Hadiah untuk dimenangi Pertama

3x **RM1,000**

KEDUA 5x **RM700** KETIGA 7x **RM500**

KEEMPAT 20x **RM250** KELIMA 30x **RM200**

Saguhati : 50x **RM100**

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line)
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut peraduan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan : 22 Ogos 2021



www.asnb.com.my
Imbas untuk jawab dan penyertaan